

01 JUL 1996
Lim-Gerakan
PENGUMUMAN MENGENAI KONG DALAM SEHARI DUA

KLUANG, 1 Julai (Bernama) -- Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata beliau akan membuat pengumuman dalam sehari dua ini berhubung kedudukan Pengerusi Gerakan Sabah, Datuk Kong Hong Ming ekoran tindakannya berkecuali terhadap pindaan undang-undang Sabah pada persidangan dewan undangan negeri itu 17 Jun lepas.

"Saya perlu sedikit masa untuk berfikir sebelum membuat pengumuman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan projek integrasi ternakan rusa dan Hari Terbuka Stesen PORIM Kluang hari ini.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lepas untuk memberi penjelasan mengenai perkara itu.

Pada pertemuan itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) telah menjelaskan tentang prinsip-prinsip untuk mengekalkan disiplin dalam BN, kata beliau.

Dr Lim berkata, Perdana Menteri juga telah menasihatinya supaya mengekalkan disiplin serta prinsip perjuangan BN.

"Sebelum sebarang keputusan dibuat, anggota dan parti komponen dibenarkan mengemukakan pendapat dan bantahan tetapi selepas sesuatu rang undang-undang dan bantahan dikaji dan keputusan diambil, sama ada suka atau tidak anggota parti perlu mematuhi. Itulah prinsip untuk mengekalkan kekuatan BN," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir menasihatinya supaya berpegang kepada prinsip dan disiplin itu, jika tidak bukan sahaja BN yang akan terjejas malah parti Gerakan juga.

Dr Lim berkata, parti Gerakan sememangnya menyokong pindaan undang-undang Sabah itu dan masalahnya sekarang ialah cara mana untuk meyakinkan Gerakan Sabah dan Kong mengenainya.

Beliau akan mengadakan perbincangan dengan Kong, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat dan Naib Presiden Gerakan, serta pucuk pimpinan Gerakan Sabah dan berharap mereka boleh menerima pendirian jawatankuasa kerja pusat Gerakan.

Kong merupakan seorang daripada dua anggota BN yang tidak menyokong rang undang-undang pindaan Enakmen Perhutanan Sabah yang diluluskan dewan itu untuk memindahkan sesetengah kuasa Ketua Menteri kepada Kabinet negeri.

Jawatankuasa Pusat Gerakan sebelum ini menyatakan ia kesal dengan keputusan Kong untuk berkecuali terhadap rang undang-undang itu tetapi berkata tidak ada tindakan akan diambil terhadapnya.

Pendirian jawatankuasa pusat itu dikritik beberapa pemimpin komponen BN.

Jahid Jahim, anggota dilantik daripada Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu, telah dipecat daripada partinya kerana membantah rang undang-undang itu. -- BERNAMA

MKO NMO